

Pelbagai tanaman boleh diusahakan tanpa ruang luas

Siti Fatimah Hassan dan Fairul Asmaini Mohd Pilus
am@hmetro.com.my

Serdang

Pertanian bandar atau kebun bandar kini semakin popular dalam kalangan masyarakat di kota.

Corak pertanian moden yang ringkas dan tidak memerlukan ruang luas itu menjadi pilihan kerana lebih mudah diusahakan selain mempunyai banyak manfaat untuk semua.

Pegawai Pertanian (Pengembangan dan Keusahawanan), Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM) Mahani Amat berkata, konsep pertanian bandar boleh dilakukan di mana-mana saja termasuk di rumah flat tanpa memerlukan ruang yang terlalu luas.

Katanya, terdapat banyak jenis tumbuhan boleh ditanam menerusi konsep pertanian bandar antaranya jenis ulam-ulaman serta untuk tujuan perubatan.

"Tanaman untuk perubatan misalnya, pokok jerangau, misai kucing, mas coteh, belalai gajah, aloe vera dan sebagainya boleh ditanam di pinggir laman dan tidak memerlukan penjagaan yang rumit."

"Manakala tanaman ulam-ulaman seperti kunyit, cili, daun kesom, pegaga, cekur pula boleh ditanam di dalam bekas atau bahan kitar semula di sekitar rumah kerana penjagaannya lebih mudah berbanding tanaman lain."

Jelas beliau, kerjasama menerusi konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu adalah efisien dari segi kewangan selain skop

pencapaiannya juga lebih meluas.

"Menerusi kerjasama berkenaan, kami turun padang berkongsi kepakaran selain memberi tunjuk ajar mengenai teknik penanaman yang lebih berkesan serta pembuatan baja kompos kepada orang ramai.

"Projek pertama dijalankan empat tahun lalu di kawasan perumahan awam di Pasir Gudang, Johor dan ternyata tanaman yang dihasilkan dapat membantu mengurangkan perbelanjaan penduduk," katanya.

Menurut Mahani lagi, usaha perlu dilakukan untuk menarik golongan muda menceburi pertanian bandar kerana ketika ini, hanya warga emas serta yang berusia 40 tahun ke atas saja



“Semua tanaman itu untuk kegunaan dalam masakan harian dan kita boleh mengurangkan kos perbelanjaan bulanan jika menanam sendiri di rumah”

Mahani Amat

"Semua tanaman itu untuk kegunaan dalam masakan harian dan kita boleh mengurangkan kos perbelanjaan bulanan jika menanam sendiri di rumah," katanya.

Bagi menggalakkan lagi orang ramai melaksanakan kebun bandar, Mahani berkata, pihak UCTC UPM bawah seliaan Pengaruhnya Profesor Madya Dr Mansor Abu Talib menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, persatuan penduduk, sekolah serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Jelas beliau, kerjasama menerusi konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu adalah efisien dari segi kewangan selain skop

menunjukkan minat untuk mengusahakannya.

Berbekun boleh mendatangkan banyak manfaat dan antara yang paling utama ia mampu membantu meningkatkan lagi interaksi sosial dalam kalangan penduduk setempat," katanya.

'PETANI' BANDAR

MENANAM menggunakan bahan kitar semula.



TAMAN Herba Pusat Transformasi Komuniti Universiti di Sekolah Kebangsaan Seri Sekinchan, Selangor.

Perluas pertanian moden ke seluruh negara

Serdang: Konsep pertanian bandar atau kebun bandar yang diperkenalkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM) kini diperluaskan ke seluruh negara.

Pegawai Pertanian (Pengembangan dan Keusahawanan), Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM) Mahani Amat berkata, ekoran kejayaan projek pertama yang dilaksanakan di Pasir Gudang, Johor empat tahun lalu, UCTC UPM terus mengorak langkah menjalankan lebih banyak kerjasama bagi menggalakkan orang ramai untuk menceburi pertanian menggunakan konsep moden berkenaan.

"Antaranya, mewujudkan Laman Pertanian Bandar dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) di Pasir Gudang dan Laman Herba dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Lintang, Kota Tinggi.

"Selain itu, kami turut menjalankan pertanian bandar di 22 sekolah di Bagan Serai, Perak, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Serdang, Cyberjaya, dan dua sekolah di Sembrong, Johor.

"Terbaru, kami menjalankan projek komuniti Taman Herba dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Sri Sekinchan, Selangor bagi mendidik warga sekolah mengenai tumbuhan sayuran dan kepentingannya kepada masyarakat," katanya.

Sementara itu, UCTC sebelum ini dikenali sebagai Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan



LAMAN Herba SK Bukit Lintang, Kota Tinggi.



TAMAN Herba Pusat Transformasi Komuniti Universiti di Sekolah Kebangsaan Seri Sekinchan, Selangor.

Pemajuan Profesional (APEEC), iaitu entiti bawah UPM.

Ia bertanggungjawab memantapkan perkhidmatan perundingan dalam pelbagai bidang kepada masyarakat seperti pembangunan komuniti,

pengembangan pertanian, pembangunan keusahawanan serta pemajuan profesional.

Penubuhan UCTC adalah untuk menjadi penghubung selain mengurangkan jurang antara universiti awam dan komuniti setempat.